

## KENYATAAN AKHBAR

Embargo sehingga 10.00pagi  
30 Oktober 2019

### **PERDANA MENTERI RASMI PERSIDANGAN KORPORAT SULUNG PNB**

**KUALA LUMPUR, 30 OKTOBER 2019:** Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad telah merasmikan **PNB Corporate Summit 2019** (PCS 2019), persidangan korporat sulung Permodalan Nasional Berhad (PNB) hari ini, di mana beliau telah menyampaikan ucapan tama dengan penekanan terhadap peranan Korporat Malaysia dalam mengubah pasaran serta memacu ekonomi negara.

Bertemakan “*Rebooting Corporate Malaysia*”, persidangan yang dianjurkan oleh PNB Research Institute Sdn. Berhad (PNBRI), institut penyelidikan milik penuh PNB bertujuan untuk mempelopori usaha transformasi bagi sektor korporat Malaysia dengan mengumpulkan perspektif dan pandangan tempatan, serantau dan antarabangsa.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Dr Zeti Aziz dalam ucapan aluannya berkata “Persidangan ini bertujuan untuk membincangkan isu-isu penting yang berkaitan dengan sektor korporat. Khususnya, mengenai isu-isu yang berkaitan dengan keperluan untuk pemodenan dan transformasi sektor korporat dalam lanskap ekonomi dan kewangan yang sedang berubah secara dramatik, dalam persekitaran di mana perkembangan geopolitik dan sosial kini mempunyai implikasi ekonomi dan kewangan, dan di mana kepesatan kemajuan dalam teknologi juga mempunyai kesan

transformatif. Tambahan pula, perubahan iklim dan aspek alam sekitar juga mempunyai impak ekonomi dan kewangan.”

“Di dalam persekitaran yang sangat dinamik ini, Korporat Malaysia perlu berada dalam kedudukan yang baik bagi membina potensi untuk bangkit menghadapi cabaran kompleks yang dibawa oleh persekitaran ini untuk memastikan kemampuan yang mampu menyokong kemajuan dan pembangunan negara kita,” tambah beliau lagi.

PCS 2019 menampilkan ahli panel terkemuka dari pelbagai kepakaran, dengan matlamat untuk memberikan inspirasi kepada sektor korporat Malaysia bagi memulakan usaha transformasi yang bertujuan untuk memacu pertumbuhan dan perkembangan Malaysia secara mampan.

Antara ahli panel tersebut adalah ahli ekonomi kanan Bank Dunia Smita Kuriakose, pelabur aktivis David Webb, ahli futuris Brett King, ketua pakar ekonomi IQI Global Shan Saeed, pakar teknologi kewangan, pakar pelaburan, serta ketua syarikat pelaburan berkaitan kerajaan dan syarikat awam tersenarai, serta ramai lagi.

Dengan pelbagai sesi serta perbincangan panel, persidangan ini turut menjadi platform bagi para tetamu bertukar pandangan mengenai faktor-faktor ekonomi dan dinamik pasaran yang sentiasa berubah, di samping mengenal pasti peluang untuk terus memantapkan sektor korporat Malaysia. Perbincangan berkisar tentang topik-topik relevan seperti “*Globalisation and Industry 4.0 – Navigating Uncharted Waters*”, “*Life And Work In The Augmented Age*”, dan “*The Future Of Business in the Face of Industrial Revolution 4.0,*” antara lainnya.

Semasa sesi makan tengahari, Tan Sri Dr. Zeti turut berkongsi perkembangan pembangunan mercu tanda PNB, iaitu presint berprestij Merdeka 118 yang bakal menyaksikan penyatuan luar biasa di antara seni bina bersejarah dan kontemporari yang terletak di kawasan bandar Kuala Lumpur yang pesat membangun. Menara 118 tingkat ini berdiri megah bersama dua warisan negara - Stadium Negara dan Stadium Merdeka, di mana kemerdekaan Malaysia diisytiharkan pada tahun 1957. Pembinaan menara Merdeka 118 yang dimulakan pada tahun 2016 kini lebih 42% siap dengan ketinggian 84 tingkat. Menjelang 2021 apabila ia siap dibina, menara yang

merangkumi 118 tingkat dengan ketinggian 635m ini akan menjadi mercu tanda baharu di kaki langit Kuala Lumpur.

Menara ini juga mensasarkan penarafan tiga akreditasi platinum dengan *Leadership in Energy and Environmental Design* (LEED), *GreenRE* dan *Green Building Index* (GBI), yang akan menjadikan Merdeka 118 bangunan pertama di Malaysia untuk mendapat penarafan sedemikian.

Persidangan ini telah diakhiri dengan ucapan penutup oleh Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Jalil Rasheed yang berkongsi matlamat khusus penganjuran persidangan iaitu untuk mendorong syarikat dan organisasi untuk bersama-sama membincangkan bagaimana untuk membawa perubahan ketara bagi memantapkan lagi sektor korporat Malaysia.

PCS 2019 dihadiri lebih 500 jemputan dan peserta yang terdiri daripada penggubal polisi, kepimpinan utama dan pengurusan kanan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLICs), Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCs) serta syarikat-syarikat awam tersenarai. Turut hadir sama adalah ahli-ahli ekonomi, agensi-agensi penarafan, pengurus dana, pakar teknologi kewangan, penganalisis pelaburan, serta pelabur institusi dan badan kawal selia.

- *tamat* -

**Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan asset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan-pelaburan strategic di syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

**Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**